

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 MEI 2021

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	ENGGAN SELINDUNG IDENTITI	2
SINAR HARIAN	TUJUH PEKERJA GAGAL IMBAS KOD MYSEJAHTERA DIKOMPAUN	3



# HARIAN METRO

22 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

## lokal

Oleh Redzuan Muhamar  
redzuan.muhamar@hmetro.com.my

### Pasir Gudang

**W**an Abdul Hakim, Wan Abdul Halim, yang menghidap penyakit vitiligo atau sopak tetap yakin untuk tampil di khalayak selain media sosial walaupun ada kelainan pada wajahnya akibat penyakit tersebut.

Malah Wan Abdul Hakim, 22, tidak mahu berselindung dan menyembunyikan identiti itu kerana malu dengan pandangan orang lain. "Tiada apa yang hendak disembunyikan. Saya mahu masyarakat peka dengan penyakit yang saya hidapi pada wajah dan belakang telinga," katanya.

Disebabkan itu, penuntut semester dua Jazah Sarjana Muda Khidmat Pelanggan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Selangor itu menggunakan platform seperti Instagram (IG) dan terbaharu, TikTok untuk berkongsi pengalaman selain pengetahuan atas berhubung vitiligo.

Berpercaya lanjut, Wan Abdul Hakim yang menetap di Taman Rimbun di sini, berkata dia menghadap vitiligo sejak tiga tahun lepas.

"Saya bukan menghidap penyakit ini sejak lahir, tetapi ketika berusia 10 tahun dan ia datang secara tiba-tiba.

"Pada mulanya, saya da-

## Enggan selindung identiti

*Pemuda mahu masyarakat peka dengan penyakit sopak dialami sejak 3 tahun lalu*



pati ada tompekkan kecil berwarna putih di dagu dan saya blarkan saja kerana menyangka ia adalah panau.

"Lama kelamanya, tompekkan itu merebak ke bahagian kening dan pipi kiri malah tidak hilang walaupun selepas disapu krim paunu," katanya.

Menurutnya, dia bertemu dengan pakar dermatologi yang kemudian memberi ubat makan serta sapuan.

Selaps tiga bulan, Wan Abdul Hakim mendapat, tiada perubahan pada kulit wajahnya malah tompekkan itu semakin banyak dan ketara.

Menyedari penyakitnya itu sukar diobati, Wan Abdul Hakim mengambil keputusan untuk berhenti mengambil ubat dan mendapatkan rawatan.

"Doktor mengatakan, penyakit dihadapi sukar diobati dan pada awalnya, saya memang sedih hingga hilang semangat hidup."

"Lagipun, tompekkan itu semakin merebak ke seluruh wajah, namun akhirnya, saya dapat meneroka keadaan ini hasil sokongan keluarga dan rakan."

"Cuma, saya ambil masa untuk tampil yakin di kha-

macam mana boleh detect i mean masa awal awal dapat tahu mcm factor ke, and sejak bilaaa

saya berasa tidak perlu menggunakaninya (bedak asas).


"Alhamdulillah, saya dapat berdepan dengan masyarakat tanpa bimbang malah turut memberitahu rakan sekelas penyakit dialami walaupun pada awalnya mereka tidak perasan kerana sopak pada wajah ditutup bedak asas," katanya.

Menurut Wan Abdul Hakim, bilaupun ada segelintir individu memandang pelik dengannya ketika berada di tempat awam, namun belum adai ejekan atau kecaman keterlaluan diterima.

Berhubung perkongsian nya di TikTok, Wan Abdul Hakim berkata, dia tidak menyangka video dimuat naik mendapat perhatian netizen dari bersyukur di terima baik walaupun baru aktif di platform berkenaan.

"Lebih menyeronokkan apabila saya dapat berkenan dengan penghidap vitiligo lain di platform itu.

"Banyak lagi yang ingin diberitahu tentang diri mereka, saya dapat memberi kesedaran, membuka mata dan menjadikan vitiligo satu penyakit normal, bukan asing dalam kalangan masyarakat," katanya.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN RABU 26/5/21 M's 26

## Tujuh pekerja gagal imbas kod MySejahtera dikompaun

**JOHOR BAHRU** - Kegagalan tujuh pekerja dari dua buah kilang di Seri Alam di sini mengimbas kod MySejahtera sebelum masuk kilang tempat mereka bekerja membawa padah apabila mereka dikompaun pada Selasa.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pekerja kilang terbabit dikompaun RM1,000 setiap seorang.

Katanya, mereka didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila gagal menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatatkan nama dan nombor telefon sebelum masuk premis itu.

"Pada pagi ini (Selasa) satu operasi bersepudu bersama polis, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan (JKKP) diadakan bagi memastikan setiap SOP Covid-19 yang telah ditetapkan dipatuhi premis perindustrian.

"Operasi secara bersasar ini melibatkan 10 buah premis perindustrian sekitar Seri Alam dan Iskandar Puteri. Hasil dari pada operasi dijalankan tujuh pekerja kilang telah dikenakan kompaun kerana gagal mengimbas kod MySejahtera," katanya pada Selasa.

Sementara itu, Ayob Khan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung seorang pegawai atasan berbangsa asing di sebuah kilang di Seri Alam tidak mahu memberikan kerjasama dalam pematuhan kehadiran 60 peratus pekerja.

Katanya, tindakan amaran telah diberikan kepada pegawai atasan kilang terbabit bagi agar beliau mematuhi arahan SOP yang ditetapkan KKM.

**R** *Operasi secara bersasar ini melibatkan 10 buah premis perindustrian sekitar Seri Alam dan Iskandar Puteri."*

"Kita telah menerima laporan daripada PBT berhubung keengganan pegawai atasan terbabit mematuhi had jumlah pekerja yang ditetapkan.

"Saya juga sudah jumpa pegawai atasan terbabit dan memberikannya amaran. Tak kira dari mana pun, warganegara apa pun perlu ikut peraturan di negara ini.

"Saya difahamkan orang tempatan tiada masalah cuma yang 'keras' sikit warga asing, kalau 'keras' kita akan lembutkan," katanya.

